




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **131 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,670 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 70 menjadikan jumlah kumulatif 54,481 orang. Seramai 688 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 290 orang di hospital dan 398 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 41 orang dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan dan Kalabakan bertukar dari zon jingga ke zon kuning, manakala daerah Ranau bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 15 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

6 Daripada 139 kes positif COVID-19, sebanyak 58 kes (44.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 25 kes (19%) saringan bergejala, 45 kes (34.4%) dari kluster sedia ada serta tiga (3) kes (2.3%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,793 unit
- Hospital 563 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,810 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 18.14%.

B AMARAN TINDAKAN TEGAS KEPADA PELANGGARAN SOP MAJLIS SOSIAL

1. Mengambil kira situasi semasa iaitu peningkatan kes positif Covid-19 di Sabah yang semakin membimbangkan, Kerajaan Negeri memberi **PERINGATAN** kepada masyarakat atau individu yang mengadakan majlis sosial dan keramaian seperti kenduri- kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial supaya memberi kerjasama dengan **mematuhi sepenuhnya SOP** yang telah ditetapkan.
2. Kerajaan Negeri juga menyarankan supaya majlis-majlis seperti ini diadakan secara sederhana atau **ditangguhkan** buat sementara waktu.
3. Majlis seperti ini **TIDAK DIBENARKAN** di daerah atau kawasan di bawah pelaksanaan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)** dan **PERINTAH KAWALAN DIPERKETATKAN (PKPD)**.
4. Bagi masyarakat selain di daerah yang dikuatkuasakan PKP dan PKPD, Kerajaan Negeri **menggalakkan pendaftaran majlis menerusi aplikasi *Sabah Trace*** untuk memudahkan pemantauan SOP oleh pihak penguatkuasa.
5. Pihak penguatkuasa akan mengambil tindakan tegas dengan **MENGENAKAN KOMPAUN sehingga RM10,000** kepada sesiapa yang didapati melanggar SOP yang ditetapkan.

C PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAERAH LAHAD DATU

- 1 Sehingga kini, KKM mengesahkan sebanyak 103 kes positif telah direkodkan dalam tempoh 14 hari di daerah terbabit selain terdapat 49 sampel ujian saringan masih menunggu keputusan.
- 2 Selain itu, KKM memaklumkan berlaku peningkatan mendadak kes positif harian dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di daerah Lahad Datu berkuatkuasa 11 April sehingga 24 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKP ini untuk memastikan kadar infeksi terkawal dan tidak menular ke kawasan lain.

D PKPD DI KAMPUNG MUHIBBAH RAYA, TAWAU

- 1 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 113 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak 30 kes positif COVID-19 dilaporkan.
- 2 KKM juga mengesahkan terdapat penularan kes selain kadar kebolehjangkitan adalah tinggi di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Muhibbah Raya, Tawau berkuatkuasa 11 April sehingga 24 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD sebagai tindakan kawalan dan langkah pencegahan COVID-19 daripada menular ke lokaliti lain.

E PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG BUKIT BELACON, MUKIM SEGAMA, LAHAD DATU

- 1 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 543 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak 26 kes positif COVID-19 dilaporkan
- 2 KKM juga mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes dalam tempoh seminggu serta kadar kebolehhangkitan adalah tinggi di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri juga bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Bukit Belacon, Mukim Segama, Lahad Datu berkuatkuasa 11 April sehingga 24 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD sebagai langkah pencegahan COVID-19 daripada menular ke lokaliti lain.

F SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI SELURUH DAERAH TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi seluruh daerah Tawau adalah seperti di **Lampiran A**

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **891** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **48,986** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **1,133** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **39,606** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,351** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **394,989** (mysejahtera 368,021 : laman web 26,756 : talian vaksinasi 212) bersamaan 13.5%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **297,694** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 41 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 23,376 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 35 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak enam (6) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
 - Keningau : enam (6) orang
 - Tiada penjarakan sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 112 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada kompaun dan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu satu (1) kes di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952, satu (1) kes di bawah akta Kawalan Bekalan 1963 serta satu (1) kes di bawah Akta Kastam 1967 dan Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1960.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 202 lokasi melibatkan seramai 202 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 108 anggota di 98 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Sook, Beaufort dan Sandakan.
- 7 Sejumlah 42 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 114 hebahan di seluruh sabah.

J KADAR PAMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Semporna | 98% |
| 2 | Sipitang | 98% |
| 3 | Tenom | 98% |
| 4 | Kota Marudu | 98% |
| 5 | Beluran | 98% |
| 6 | Beaufort | 98% |
| 7 | Kudat | 98% |
| 8 | Kota Belud | 98% |
| 9 | Keningau | 97.5% |
| 10 | Papar | 97% |
| 11 | Penampang | 97% |
| 12 | Kunak | 97% |
| 13 | Kinabatangan | 97% |
| 14 | Kota Kinabalu | 97% |
| 15 | Ranau | 97% |
| 16 | Tuaran | 96.5% |
| 17 | Lahad Datu | 96.5% |
| 18 | Sandakan | 96% |
| 19 | Tawau | 96% |


- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
10 APRIL 2021**

LAMPIRAN A

|  SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH TAWAU | | | | Dikemaskini pada 3 April 2021 | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|--|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------------------------|----------|--------------------|---|--|---|--|------------------------------|--|--|---|------------------|---|------------------|---|
| Aktiviti dibenarkan | Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat | | | | | | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaianya. Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu. Mendapatkan rawatan kesihatan & perubahan. Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman. | AKTIVITI DAN PROTOKOL | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM. | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tindakan</th> <th>Penerangan Ringkas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (Negative List)</td> </tr> <tr> <td>Aktiviti Sukan, Rekreasi, Sosial, Pelancongan dan Budaya</td> <td>Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial, pelancongan dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN. Aktiviti hiburan termasuk pub, kelab malam, pameran dan panggung wayang juga TIDAK DIBENARKAN. Taman awam adalah DITUTUP. Majlis sosial dan keramaian seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i>, <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial adalah TIDAK DIBENARKAN.</td> </tr> <tr> <td>Pendidikan dan Sosial</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Sekolah dan pusat tahfiz (<i>kecuali yang menduduki peperiksaan yang ditetapkan oleh Kerajaan</i>) DITUTUP dalam tempoh ini Pusat rekreasi, <i>indoor & outdoor playground</i> DITUTUP. </td> </tr> <tr> <td>Seminar / Bengkel / Persidangan</td> <td>Semua Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> TIDAK DIBENARKAN.</td> </tr> <tr> <td>Mesyuarat</td> <td>Mesyuarat diadakan secara sidang video. Mesyuarat bersemuka TIDAK DIBENARKAN.</td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td>Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.</td> </tr> </tbody> </table> | | | | | | Tindakan | Penerangan Ringkas | Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (Negative List) | | Aktiviti Sukan, Rekreasi, Sosial, Pelancongan dan Budaya | Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial, pelancongan dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN . Aktiviti hiburan termasuk pub, kelab malam, pameran dan panggung wayang juga TIDAK DIBENARKAN . Taman awam adalah DITUTUP . Majlis sosial dan keramaian seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i> , <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial adalah TIDAK DIBENARKAN . | Pendidikan dan Sosial | <ul style="list-style-type: none"> Sekolah dan pusat tahfiz (<i>kecuali yang menduduki peperiksaan yang ditetapkan oleh Kerajaan</i>) DITUTUP dalam tempoh ini Pusat rekreasi, <i>indoor & outdoor playground</i> DITUTUP. | Seminar / Bengkel / Persidangan | Semua Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> TIDAK DIBENARKAN . | Mesyuarat | Mesyuarat diadakan secara sidang video. Mesyuarat bersemuka TIDAK DIBENARKAN . | Lain-lain | Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |
| Tindakan | Penerangan Ringkas | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (Negative List) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Aktiviti Sukan, Rekreasi, Sosial, Pelancongan dan Budaya | Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial, pelancongan dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN . Aktiviti hiburan termasuk pub, kelab malam, pameran dan panggung wayang juga TIDAK DIBENARKAN . Taman awam adalah DITUTUP . Majlis sosial dan keramaian seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i> , <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial adalah TIDAK DIBENARKAN . | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pendidikan dan Sosial | <ul style="list-style-type: none"> Sekolah dan pusat tahfiz (<i>kecuali yang menduduki peperiksaan yang ditetapkan oleh Kerajaan</i>) DITUTUP dalam tempoh ini Pusat rekreasi, <i>indoor & outdoor playground</i> DITUTUP. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Seminar / Bengkel / Persidangan | Semua Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> TIDAK DIBENARKAN . | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mesyuarat | Mesyuarat diadakan secara sidang video. Mesyuarat bersemuka TIDAK DIBENARKAN . | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Lain-lain | Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Arahkan tetap <ul style="list-style-type: none"> Peraturan 16 P.U. (A) 96 / 2021 Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan dan peraturan di bawah PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |